

MSM MEMPERKUKUHKAN STRATEGI PERTUMBUHAN

- Pendapatan pengeluar utama dijangka kekal untung bagi TK18**

KUALA LUMPUR, JUN 26, 2018 – MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM), pengeluar gula terkemuka negara dan anak syarikat Felda Global Ventures Holdings Berhad (FGV), menyaksikan peningkatan bagi keputusan pembukaan suku tahunan ditambah dengan penjimatan kos yang tinggi pada tahun 2017 serta kukuh ke arah pentauliahan kilang penapisan gula baharu di Tanjung Langsat, Johor – sedetik kemanisan setelah mengharungi 2017 dengan penuh cabaran.

Walaupun TK17 berakhir dengan kerugian disebabkan oleh Ringgit yang lemah dan kos gula mentah yang lebih tinggi, prestasi suku tahunan MSM menunjukkan pencapaian keuntungan yang berturut-turut dalam keputusan S3TK17, S4TK17 dan S1TK18 serta dijangkakan untuk kekal positif sepanjang tahun TK18 (sekiranya tidak berhadapan keadaan yang tidak diduga) dibantu dengan permintaan yang stabil untuk produk 'Gula Prai'.

Keputusan S1TK18 MSM beralih ke arah positif, dengan menyampaikan keuntungan bersih sebanyak RM16.0 juta berbanding kerugian bersih sebanyak RM35.0 juta yang dicatatkan pada suku yang sama tahun lepas. Seterusnya, pendapatan sesaham bagi suku tahun yang ditinjau adalah RM2.25 berbanding RM4.93 kerugian sesaham pada S1TK17. Selain daripada kos bahan mentah yang lebih baik dan pengukuhan Ringgit, prestasi yang berubah positif dibantu oleh pengurusan kos yang berhemah dan mekanisme lindung nilai strategik yang mantap untuk mengekalkan disiplin kos dan kecekapan operasi sambil memberi tumpuan terhadap pelaburan aset yang menjana keuntungan dan mampu memaksimumkan aliran tunai.

Walau bagaimanapun, pendapatan hasil mencatatkan penurunan sebanyak 15.4% berbanding dengan suku yang sama pada tahun lepas, iaitu sebanyak RM648.97 juta disebabkan penurunan 8.0% bagi harga jualan purata dan pengurangan 7.0% dalam jumlah jualan keseluruhan, termasuk eksport.

"Prestasi suku pertama adalah sejajar dengan pelan pertumbuhan dan kami teguh untuk menyampaikan hasil dan sasaran keuntungan bagi tahun ini. Seperti yang dijangkakan, pendapatan suku pertama terkesan disebabkan oleh permintaan yang bermusim di peringkat industri tempatan. Yang utamanya, kami tetap dalam perlaksanaan pelan pertumbuhan



strategik jangka panjang, suatu pelan pemacu yang saya yakin akan memberi faedah kepada pemegang saham dan pemegang saham berkepentingan pada masa hadapan," kata Pengarah Eksekutif MSM, Dato' Khairil Anuar Aziz.

Struktur lindung nilai yang tepat pada masanya menurunkan kos gula mentah MSM sebanyak 23.1% berbanding S1TK17 namun terhalang daripada kenaikan tarif gas sebanyak 16.0% pada bulan Januari lantas membantu peningkatan bagi kos purata penapisan. Walaupun Ringgit terus mempamerkan kadar purata 12.7% bagi perbandingan suku ke suku, kadar mata wang yang diguna pakai MSM adalah lebih tinggi daripada pasaran sebanyak 1.91% kerana ia telah mengunci harga gula mentah pada USD0.14 sen kepada USD0.15 sen per paun - lebih tinggi daripada purata harga gula mentah antarabangsa.

"Secara purata kami membelanjakan sekitar USD457 juta untuk pembelian gula mentah setiap tahun, menyumbang kira-kira 88% daripada kos pengeluaran kami. Walaupun kami berharap agar harga gula mentah stabil pada USD0.13 sen kepada USD0.14 sen setiap paun, risiko perdagangan pada pasaran niaga hadapan mendedahkan kami kepada ketidaktentuan dalam kadar pertukaran. Maka, pengukuhan di peringkat global, dasar risiko dan tadbir urus adalah penting untuk memastikan rangka kerja kewangan dan dagangan serta perjanjian dilindungi mengikut mekanisme semakan dan imbangan," Dato' Khairil menambah.

Sementara itu, berdasarkan kadar penyiapan sebanyak 97% (setakat May 2018), kilang penapisan Johor dijadual beroperasi mulai Jun 2018 dan meningkatkan kapasiti sebanyak 0.3 juta tan bagi pertumbuhan domestik dan eksport pada 2018. Pasaran terpilih di rantau Asia Pasifik dan Oceania, Timur Tengah dan Afrika Utara (MENA) lebih digemari kerana ia membolehkan margin yang lebih baik untuk mengurangkan susut nilai yang lebih tinggi dan perbelanjaan kos faedah bagi pembinaan kilang penapisan Johor.

"Kami menjangka akan mencatatkan prestasi kewangan yang lebih baik pada 2018 berbanding tahun 2017 yang mencabar, memandangkan harga gula mentah antarabangsa yang lebih rendah dan Ringgit yang lebih kukuh akan memastikan penstabilan kos gula mentah. Setakat ini pencapaian kami telah bertambah baik namun masih banyak kerja yang perlu dilakukan, dan saya berbangga dengan momentum yang ditunjukkan pada 2018," berkata Pengerusi MSM, Datuk Wira Abdul Hamid.

Kami positif terhadap komitmen kerajaan untuk menghapuskan sepenuhnya permit import gula (AP) oleh kerana MSM berhadapan dengan persaingan sengit dari perdagangan gula



yang murah dan tidak terkawal dari negara-negara jiran melalui penyeludupan yang berlaku di pelabuhan Malaysia.

MSM berusaha untuk berkembang secara bertanggungjawab dan lestari sepanjang tahun ini. Dengan semangat yang teguh, MSM terus mengekalkan kedudukan kepimpinannya memalui produk, proses dan jenama yang berkualiti tinggi di pasaran domestik dan membentuk semula usaha kami untuk pertumbuhan eksport yang menguntungkan.

-TAMAT-

Maklumat MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM)

MSM Malaysia Holdings Berhad (MSM) adalah pengeluar gula bertapis terkemuka di Malaysia yang terlibat dalam pengeluaran, pemasaran dan penjualan produk gula bertapis di bawah jenama. Syarikat ini menjalankan perniagaan terutamanya melalui dua anak syarikatnya, MSM Prai Berhad dan MSM Perlis Sdn Bhd yang telah ditubuhkan pada tahun 1959 dan 1971. Di samping itu, MSM juga mengendalikan syarikat logistik - MSM Logistics Sdn Bhd dan sebuah syarikat dagangan - MSM Trading International DMCC, yang berpangkalan di Dubai, Emiriah Arab Bersatu.

Pada masa ini, kapasiti pengeluaran tahunan MSM mencecah 1.25 juta tan gula bertapis. Pada tahun 2017, MSM mengeluarkan sebanyak 1,024,931 tan gula bertapis, di mana 139,540 tan adalah untuk pasaran eksport. Ketika ini, MSM menguasai 58% majoriti syer pasaran domestik.

Ditubuhkan pada 10 Mac 2011, MSM disenaraikan di Pasaran Utama Bursa Malaysia Securities Berhad pada 28 Jun 2011 dengan modal pasaran sebanyak RM2.88 bilion (setakat Disember 2017).

MSM juga menawarkan pelbagai rangkaian produk daripada gula bertapis putih pelbagai saiz sehingga ke gula perang halus. Kesemuanya produk ini telah dipasarkan dan dijual di dalam pelbagai bentuk pilihan pembungkusan di bawah jenama "Gula Prai". MSM juga turut menjual 'molasses' sejenis produk sampingan yang dihasilkan menerusi proses penapisan gula hingga ke produk penyulingan dan penghasilan etanol, makanan haiwan dan yis di kalangan lain-lain produknya. MSM menjual ke seluruh rangkaian pengguna di Malaysia dan juga negara-negara lain secara langsung dan tidak langsung menerusi pedagang, pemborong dan pengedarnya. Para pelanggan termasuklah syarikat-syarikat besar yang terlibat di dalam industri makanan dan minuman, farmaseutikal, perhotelan, restoran, rangkaian kedai-kedai makanan serta pengguna isirumah.

Untuk maklumat lanjut, sila layari www.msmsugar.com

Untuk pertanyaan media, sila hubungi::

Siti Noorbaya Mohd Yunus

+603 2181 5018 ext. 158

+6016 677 6118

noorbaya.my@msmsugar.com

Muhammad Aniz Mohd Azmi

+603 2181 5018 ext. 211

+6012 289 3294

aniz.ma@msmsugar.com